

# Pengeluar keluli digesa terokai eksport baru

21 DEC 1993

Oleh ABDULLAH HAMID

BUTTERWORTH 20 Dis. -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa pengeluar-pengeluar keluli negara ini mengambil peluang meneroka pasaran-pasaran eksport baru ke Asia Timur dan Asia Tengah.

Negara-negara berkenaan, menurutnya boleh menjadi pasaran alternatif selepas Amerika Syarikat mengenakan duti timbal balas (countervailing duties) dan sekatan anti lambakan.

Beliau berkata tindakan Amerika Syarikat itu membimbangkan banyak negara pengeluar yang menandatangani Perjanjian Keluli Pelbagai Hala (MSA) sehingga mereka terpaksa mencari pasaran alternatif lain atau mengurangkan pengeluaran.

Sungguhpun industri keluli dunia sedang beransur pulih, Dr. Mahathir berkata, pilihan kepada pasaran alternatif lain bukanlah mudah memandangkan di seluruh dunia industri keluli adalah dalam keadaan kurang sihat.

Berucap membuka loji

rod dawai dan pelancaran loji pembuatan keluli Malayawata Steel Berhad di sini hari ini beliau berkata, selain itu pengeluar-pengeluar keluli di Malaysia juga patut menjalankan strategi yang menumpu ke arah menjamin harga keluaran yang stabil.

"Untuk menjamin harga yang stabil, mereka hendaklah mengamalkan pendekatan yang berdisiplin terhadap pengeluaran," tegas Perdana Menteri.

Dr. Mahathir menambah, keadaan bekalan yang berlebihan serta pasaran dunia yang meningkat adalah faktor-faktor utama yang seharusnya menjadikan pengeluar-pengeluar keluli tempatan lebih berpandangan jauh.

"Langkah-langkah mesti diambil untuk meningkatkan pertalian di antara syarikat-syarikat huluan dengan hiliran dan skim yang serupa dengan Program Pembangunan Pembekal akan membolehkan syarikat-syarikat huluan mendapat kemudahan kewangan bagi menyokong dan memupuk pertumbuhan industri hiliran.

"Terdapat potensi besar

bagi fabrikasi keluli dan pembuatan di sektor kejenjeraan dan kejuruteraan, lebih-lebih lagi jika pengimport dapat mencari sumber komponen mereka dalam negeri," katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan pengeluar-pengeluar tidak terlalu bergantung kepada kuantiti pengeluaran sebaliknya dikehendaki meningkatkan daya saing melalui pelbagaian keluaran yang boleh memenuhi semua keperluan permintaan pasaran tempatan dan juga eksport.

Malayawata juga akan meningkatkan keupayaan pembuatan kelulinya kepada 450,000 tan matrik setahun melalui pembinaan loji pembuatan keluli yang kedua melibatkan pelaburan sebanyak RM180 juta.

Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan pada Disember ini dan dijangka siap dan dapat memulakan operasinya pada tahun 1995. Setakat ini keupayaan pembuatan keluli Malayawata ialah 170,000 tan setahun.

Melalui usaha pelbagai-an, Perdana Menteri berkata, mereka bukan sahaja

akan terus dapat mengemukakan harga keluli, malah terus mendapat kedudukan 'teguh' dengan permintaan keluli yang berbagai-bagai.

Pelaksanaan skim Tarif Keutamaan Sama Rata (CEPT) bagi Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) juga, kata Dr. Mahathir memberi perluasan kuantiti pengeluaran, dan dengan itu industri-industri patut mengambil peluang melalui pelbagaian keluaran.

"Sebenarnya Malaysia dianggap oleh pengeluar-pengeluar keluli asing sebagai pangkalan keluaran yang baik untuk dieksport ke rantau Asia Tenggara. Ini lebih-lebih lagi memandangkan rantau ini dijangka mengalami pertumbuhan yang tinggi bagi permintaan keluaran keluli leper.

"Di Malaysia, pasaran bagi keluaran keluli leper juga dijangka meningkat kepada tiga juta tan metrik setahun menjelang tahun 2000 berbanding antara satu hingga dua juta tan metrik setahun sekarang," ujarnya.